

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, 3 December, 2019 12:58 PM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Subject: Naskah Karya Pensyarah UUM Papar Sejarah Alor Setar Dan Belasungkawa



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

3 DISEMBER 2019 / 6 RABIULAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media
Gambar oleh: Ihsan Dr. Mohd Kasri Saidon

NASKAH KARYA PENSYARAH UUM PAPAR SEJARAH ALOR SETAR DAN BELASUNGKAWA



UUM ONLINE: Dua naskah buku karya Pengarah Muzium UUM, Dr. Mohd Kasri Saidon telah dilancarkan baru-baru ini yang memaparkan sejarah dan juga belasungkawa kepada pakar sejarah Kedah.

Dua buku tersebut ialah Sejarah Penelitian Pembinaan Negara Bangsa yang merupakan buku belasungkawa Prof. Madya Dr. Mohd Isa Othman dan Alor Setar Dalam Warna Kemeriah Silam yang mana ia dihasilkan bersama Prof. Dr. Ishak Saat dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Pelancaran Buku-buku Terbitan Lembaga Muzium Negeri Kedah dan Program Sembang Sejarah itu telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pelancongan, Seni dan Budaya, Pembangunan Usahawan, Mohd Asmirul Anuar Aris di Muzium Negeri Kedah.

Dr. Mohd Kasri berkata, Sejarah Penelitian Pembinaan Negara Bangsa adalah karya beliau bersama Prof. Dr. Ishak sebagai tanda penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Mohd Isa Othman yang merupakan seorang ahli sejarah Kedah, manakala buku Alor Setar Dalam Warna Kemeriah Silam terbahagi kepada tiga seksyen yang lebih bersifat bacaan santai tentang sejarah.

Menurutnya, penulisan buku itu mengambil masa yang agak lama untuk dihasilkan kerana perlu penelitian termasuk mendapatkan sumber yang lebih tepat.

Katanya, beliau berharap kisah sejarah yang dihasilkan itu akan mendapat perhatian masyarakat dan membina jati diri setiap pembaca khususnya.

Selain itu, buku Alor Setar Dalam Warna Kemeriah Silam turut memuatkan tulisan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad; bekas Timbalan Menteri Kewangan, Allahyarham Dato' Dr. Afifuddin Omar dan bekas Menteri Penerangan, Allahyarham Tan Sri Zainuddin Maidin serta penulis lain.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.